



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
(Department of Agriculture Malaysia)
WISMA TANI
ARAS 5-7, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Portal Rasmi : www.doa.gov.my
E-mel: pro@doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2
(Our Ref.) Jld.VII(16)

Tarikh : 30 November 2023
(Date)

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 6 TAHUN 2023**

Akta Racun Makhluk Perosak 1974

**PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN TARIKH LUPUT PADA LABEL PRODUK
RACUN MAKHLUK PEROSAK**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar berkaitan keputusan Lembaga Racun Makhluk Perosak untuk menguatkuasakan pelaksanaan tarikh luput pada label produk racun makhluk perosak. Surat ini adalah rentetan daripada Surat Pekeliling LRMP Bil. 1 Tahun 2018 bertarikh 26 Januari 2018.

TAFSIRAN

Tempoh Simpan bermaksud tempoh sesuatu bahan atau barang yang boleh disimpan tanpa menjejaskan fungsi, komposisi atau tindak balas kimia.

Tarikh Luput adalah tarikh berdasarkan tempoh simpan yang disahkan oleh Lembaga bermula dari tarikh produk dikilangkan.

ANDA KAMI UTAMAKAN

SP.LRMP.Bil.6/2023



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)

M/s 1 dari 6



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

JUSTIFIKASI

Keperluan untuk meletakkan tarikh luput pada label produk racun makhluk perosak telah dilaksanakan di kebanyakan negara. Ini adalah kerana tarikh luput merupakan sebahagian daripada pengawalan kualiti dalam memastikan produk racun makhluk perosak yang didaftarkan memenuhi standard dan spesifikasi yang ditetapkan. Justeru itu pelaksanaan tarikh luput pada label produk racun makhluk perosak hendaklah dilaksanakan selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Racun Makhluk Perosak Bil. 83 bertarikh 12 Oktober 2017.

PELAKSANAAN

1. Syarikat dikehendaki mengemukakan data ujian kestabilan simpanan mengikut jenis bahan pembungkusan bagi tujuan komersial seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Keperluan Data Kimia (GP1/2019) untuk penilaian pihak Lembaga.
2. Data ujian kestabilan simpanan (*Storage Stability Test*) sewaktu pendaftaran terdahulu masih boleh dikemukakan semula selagi tiada perubahan pada komposisi produk dan jenis bahan pembungkusan produk.
3. Penetapan tempoh tarikh luput bermula daripada tarikh produk dikilangkan seperti **Jadual 1**:

Kategori Racun Makhluk Perosak	Tempoh Simpan Awal (<i>default</i>)	Tempoh Simpan Sebenar
Racun Kimia	2 tahun	Tempoh simpan sebenar bergantung kepada penilaian data ujian kestabilan simpanan (<i>Storage Stability Test</i>)
Racun Biologi a) Mikrobiologi b) Ekstrak Tumbuhan	6 bulan 1 tahun	

Jadual 1 : Tempoh simpan produk RMP mengikut kategori.

4. Tempoh simpan awal (*default*) akan dinyatakan dalam **acknowledgement letter** semasa hari penerimaan pendaftaran semula.
5. Penetapan tempoh simpan sebenar akan dimaklumkan di dalam surat kelulusan pendaftaran produk dan tarikh luput produk **WAJIB** dicetak pada label produk racun makhluk perosak.
6. Perkara di atas adalah **TERPAKAI** untuk permohonan pendaftaran baharu dan pendaftaran semula.

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2
(Our Ref.) Jld.VII(16)

TARIKH KUATKUASA


Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah **serta-merta** iaitu pada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MAT IHSAK BIN NGATHINEE)
Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :

- i. Pengerusi Lembaga Racun Makhluk Perosak
- ii. Pengarah Eksekutif
Persatuan Pemeliharaan Tanaman & Kesihatan Awam Malaysia (MCPA)

SOALAN LAZIM (FAQ)
SURAT PEKELILING PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN TARIKH LUPUT
PADA LABEL PRODUK RACUN MAKHLUK PEROSAK

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah tarikh luput perlu dicetak pada label produk RMP?	<p>Tarikh luput perlu dicetak pada label apabila pekeliling ini telah dikuatkuasa.</p> <p>Untuk Pendaftaran Baharu boleh dicetak pada label setelah menerima Sijil Pendaftaran Produk RMP selepas 01 Disember 2023.</p> <p>Untuk Pendaftaran Semula boleh dicetak pada label setelah menerima sijil pendaftaran semula produk RMP selepas 01 Disember 2023 mengguna pakai tempoh simpan awal (<i>default</i>).</p>
2.	Bagaimanakah cara tarikh luput boleh dicetak pada label produk RMP?	Tarikh luput boleh dicetak secara <i>print-on</i> pada label produk RMP. Cetakan berbentuk pelekat dan cop adalah TIDAK DIBENARKAN.
3.	Bagaimanakah saya ingin mengetahui pengesahan tempoh simpan sebenar bagi produk pendaftaran baharu?	Pengesahan tempoh simpan sebenar produk akan dimaklumkan pada dokumen PLV yang disertakan bersama surat kelulusan produk Pendaftaran Baharu (PLIV).
4.	Bagaimanakah saya ingin mengetahui pengesahan tempoh simpan sebenar bagi produk pendaftaran semula?	Pengesahan tempoh simpan sebenar produk akan dimaklumkan pada surat Kelulusan Produk Pendaftaran Semula.
5.	Bagaimanakah cara menentukan tarikh luput produk RMP?	Cara menentukan tarikh luput produk RMP adalah berdasarkan tempoh simpan yang diluluskan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak.
6.	Bagaimanakah cara penulisan tarikh luput pada label produk RMP?	Situasi: Tempoh simpan sebenar diluluskan 2 tahun. Contoh cetakan pada label:- Tarikh Mengilang : 01/12/2023 Tarikh Luput : 30/11/2025

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Saya dikehendaki melaksanakan pendaftaran semula pada Jun 2024, adakah saya perlu mencetak tarikh luput pada produk berlabel lama (kelulusan label Jun 2020) yang dikilangkan pada 01 Disember 2023?	Tidak perlu. Arahan ini hanya terpakai pada semua pendaftaran baharu dan pendaftaran semula bermula 01 Disember 2023.
8.	Saya telah membuat pendaftaran semula pada Mac 2023 dan telah mendapat surat kelulusan pendaftaran semula pada 28 September 2023. Adakah saya perlu mencetak tarikh luput pada label yang dikilangkan selepas 01 Disember 2023 menggunakan tempoh simpan awal (<i>default</i>) seperti penetapan tempoh tarikh luput pada Surat Pekeliling Bil. 6/2023?	Syarikat diberi pilihan sama ada ingin mencetak atau tidak tarikh luput tersebut memandangkan permohonan pendaftaran semula dihantar sebelum 01 Disember 2023.
9.	Saya telah melaksanakan pendaftaran semula pada 10 Jun 2024 dan telah menerima sijil pendaftaran pada tarikh tersebut. Adakah saya perlu mencetak tarikh luput pada label produk yang dikilangkan pada 11 Jun 2024?	Ya. Pendaftar perlu mencetak tarikh luput setelah sijil diterima dengan menggunakan tempoh simpan awal (<i>default</i>). Setelah menerima maklumat tempoh simpan sebenar dalam surat kelulusan pendaftaran semula pendaftar dikehendaki menggunakan tempoh simpan sebenar yang diluluskan.
10.	Apakah parameter yang perlu ada di dalam laporan <i>storage stability</i> ?	<ol style="list-style-type: none">1. Kandungan perawis aktif2. <i>Specific physical-chemical properties</i> mengikut formulasi produk.3. Pemerhatian pada pembungkusan produk.
11.	Adakah laporan <i>storage stability</i> perlu memenuhi standard MS ISO 17025 atau <i>Good Laboratories Practice (GLP)</i> ?	Ya. Boleh pilih salah satu.
12.	Adakah laporan <i>storage stability</i> dari makmal ' <i>in-house</i> ' diterima?	Ya, jika makmal ' <i>in-house</i> ' memiliki akreditasi sekurang-kurangnya MS ISO 17025 atau <i>Good Laboratories Practice (GLP)</i> .

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
13.	Berapa lama tempoh sah laku laporan <i>storage stability</i> boleh diterima?	Laporan <i>storage stability</i> boleh diterima selagi tiada perubahan pada komposisi produk atau jenis bahan pembungkusan.
14.	Apakah formulasi yang tidak memerlukan laporan <i>storage stability</i> ?	Bahan teknikal (TC) sahaja..
15.	Berapakah tempoh simpan yang akan diterima jika pihak syarikat menggunakan <i>accelerated storage stability</i> untuk dihantar kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak?	Tempoh simpan awal (<i>default</i>) yang diberikan adalah 2 tahun dan ujian <i>accelerated storage stability</i> hanya terpakai untuk racun kimia.
16.	Jika pihak syarikat menghantar <i>true storage report</i> (3 tahun) kepada Lembaga, adakah produk tersebut diberi tempoh simpan selama 3 tahun?	Tidak. Sila rujuk Jadual 1 dalam Surat Pekeliling bil 6/2023.